



TATACARA GUGUR/TAMBAH KURSUS SEMESTER PERTAMA SESI 2017/2018 (A171)

Tarikh: 13 Ogos 2017– 13 September 2017
Kaedah: Secara Dalam Talian (Portal Pelajar)
<http://portal.uum.edu.my>

- Minggu Gugur/Tambah Kursus Semester Pertama Sesi 2017/2018 akan dilaksanakan secara dalam talian melalui : <http://portal.uum.edu.my>.
- Gugur/Tambah Kursus Secara Dalam Talian mulai (13 Ogos 2017– 13 September 2017):** Semua pelajar aktif adalah layak untuk membuat Gugur/Tambah Kursus Secara Dalam Talian seperti Jadual berikut:-

SEMESTER SEMASA	TEMPOH GUGUR/TAMBAH		BIL. HARI
	TARIKH	MASA BERMULA	
5 ke atas	13-16 Ogos 2017	12.00 tengah hari	4 hari
4	20-23 Ogos 2017	12.00 tengah hari	4 hari
3	27-30 Ogos 2017	12.00 tengah hari	4 hari
2	4-7 Sept 2017	9.00 pagi	4 hari
1	10-13 Sept 2017	12.00 tengah hari	4 hari

- Gugur/Tambah Kursus di Pusat Pengajian mulai (10 – 13 September 2017):**
HANYA PELAJAR-PELAJAR BERIKUT SAHAJA DIBENARKAN untuk mendaftar di Pusat Pengajian:-
 - Pelajar yang mendapat status Lulus Bersyarat/Mengulang/Gagal tetapi dipanggil semula;
 - Pelajar yang menangguhkan pengajian (bagi semester sebelumnya).
- Pelajar yang mempunyai **TUNGGAKAN HUTANG** sehingga semester **A162 TIDAK DIBENARKAN** membuat gugur/tambah kursus. Gugur/tambah kursus hanya dibenarkan sekiranya tunggakan hutang berkenaan dijelaskan sepenuhnya dan pembayaran **TUNGGAKAN HUTANG** perlulah dijelaskan dalam tempoh minggu pertama semester A171 sahaja.
- Ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan Peraturan Pengajian untuk Program Sarjana Muda Perkara 8.2 dan 8.3 dalam Buku Panduan Akademik yang menetapkan:

Perkara 8.2:

“Seorang pelajar boleh dihalang daripada mendaftar untuk semester berikutnya jika beliau tidak menjelaskan mana-mana bayaran yang diperlukan kepada Universiti”

Perkara 8.3:

“Pelajar yang tidak mendaftar kursus selepas minggu kedua pada setiap semester akan digugurkan dari senarai nama pelajar berdaftar UUM.”

6. Universiti memberi kelonggaran kepada pelajar yang berhutang untuk membuat gugur/tambah kursus seperti di bawah:
 - i). **Pelajar tempatan yang berhutang TIDAK melebihi RM1,500.00**
 - ii). **Pelajar Antarabangsa yang berhutang TIDAK melebihi RM100.00**
7. Sepanjang Minggu Gugur/Tambah Kursus, Jadual Waktu Kuliah boleh dicapai di dalam portal masing-masing.
8. Permohonan untuk mengambil kursus melebihi 22 jam kredit (tertakluk kepada kekosongan tempat) boleh dipohon dengan cara mengisi borang permohonan di dalam **Sistem U-Assist** mulai **10 September 2017 (Ahad) – 14 September 2017 (Khamis)**. Sebarang penambahan kursus melebihi 22 jam kredit adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - i) Pelajar semester akhir **SAHAJA**;
 - ii) PMK terakhir adalah 2.50 dan ke atas;
 - iii) Lebihan jam kredit hanya 3 kredit sahaja (menjadikan jumlah kredit 25 jam/semester);
 - iv) Tertakluk kepada kekosongan tempat;
 - v) Bayaran dikenakan sebanyak RM40.00 untuk 1 jam kredit (bayaran dijelaskan selepas permohonan diluluskan).
9. Permohonan Kursus Audit (tertakluk kepada kekosongan tempat) boleh dibuat dengan cara mengisi borang permohonan di dalam **Sistem U-Assist** mulai **10 September 2017 (Ahad) – 14 September 2017 (Khamis)**. Tiada bayaran dikenakan.

Arahan:

Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Akademik
Universiti Utara Malaysia